

## Hubungan baik ANGKASA, ICA martabatkan gerakan koperasi di peringkat global

**KUALA LUMPUR:** Hubungan baik yang terjalin antara Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan International Co-operative Alliance (ICA) sejak 1972 merupakan strategi jangka masa panjang bagi meluaskan lagi pasaran gerakan koperasi ke peringkat antarabangsa.

Presiden ANGKASA Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata langkah itu diambil dalam usaha mengekalkan kerjasama strategik bersama koperasi luar negara yang akan memberi manfaat kepada pasaran produk dan perkhidmatan ditawarkan oleh gerakan koperasi di negara ini.

“Dalam hal memastikan gerakan koperasi mampu menjadi pemangkin kepada kesejahteraan sosioekonomi anggota dan rakyat, kita tidak harus lupa bahawa untuk mencapai objektif tersebut, koperasi perlu mendapat keuntungan melalui aktiviti perniagaannya.

“Jika dilihat perolehan gerakan hingga Disember 2021 mengikut statistik yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ia mencapai RM37.9 bilion. Secara kasarnya, apabila gerakan koperasi dapat meluaskan pasarnya ke luar negara, sudah tentu jumlah perolehan ini dapat ditingkatkan dan perannya kepada rakyat di negara ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, atas dasar kepercayaan warga koperasi di peringkat dunia serta melihat kejayaan gerakan koperasi di negara ini, kesemua kepimpinan di ANGKASA dipilih untuk menduduki jawatankuasa penting di peringkat antarabangsa supaya dapat menjalin hubungan perniagaan dengan koperasi luar selain menjadi pentas untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi.

“Saya sendiri merupakan Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan baru-baru ini dilantik sebagai Naib Presiden International Co-operative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP). Bilangan koperasi di rantau Asia Pasifik melebihi 1.59 juta dengan keanggotaan kira-kira 729.4 juta. Jumlah penduduk di negara ASEAN pula mencecah 681 juta.

“Mungkin bagi sesetengah pihak, jumlah itu hanyalah statistik semata-mata namun bagi ANGKASA itu adalah peluang pemasaran yang sangat besar jika dapat dimanfaatkan oleh gerakan koperasi di negara ini,” katanya.

Beliau mencadangkan supaya setiap negara ASEAN mempunyai sudut pameran produk koperasi di negara yang menyertai ACO kerana usaha itu akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak bagi tujuan import dan eksport.

— Bernama